



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 68  
Bil. 27

**31hb Disember 2015**

*TAMBAHAN No. 4  
ENAKMEN*

---

---

Enakmen yang berikut telah diluluskan oleh Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan pada 23 November 2015 dan telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak pada 23 Disember 2015 disiarkan untuk pengetahuan umum:

The following Enactment passed by the State Legislative Assembly of Perak Darul Ridzuan on 23 November 2015 and assented to by His Royal Highness the Sultan of Perak on 23 December 2015 are published for general information:

No.	Tajuk Ringkas/Short Title
Enakmen 9	Enakmen Wakaf (Perak) 2015
Enactment 9	<i>Wakaf</i> (Perak) Enactment 2015





# **UNDANG-UNDANG NEGERI PERAK**

**ENAKMEN 9**

**ENAKMEN WAKAF (PERAK) 2015**

Tarikh Perkenan Diraja      ...      ...      ...      23 Disember 2015

Tarikh penyiaran dalam *Warta*      ...      ...      31 Disember 2015

## ENAKMEN WAKAF (PERAK) 2015

---

### SUSUNAN SEKSYEN

---

#### BAHAGIAN I

##### PERMULAAN

##### *Seksyen*

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

#### BAHAGIAN II

##### PEWUJUDAN WAKAF

3. Pewujudan wakaf
4. Permulaan kuat kuasa wakaf
5. Kesahan wakaf terdahulu
6. Hak *waqif* menentukan syarat-syarat *mawquf-alaih*
7. Pendaftaran wakaf
8. Wakaf oleh seorang yang dalam keadaan *maradh-al-maut*
9. Wakaf *takliq*
10. Wakaf *ahli, irsad, manqul, musyak, musytarak*, wakaf saham atau wakaf *takliq*
11. Skim wakaf dan wakaf saham

#### BAHAGIAN III

##### *MAWQUF-ALAIH*

12. Ketiadaan *mawquf-alaih*

*Seksyen*

13. Pembahagian faedah atau manfaat sesuatu *mawquf*
14. Tanggungjawab *mawquf-alaih*

**BAHAGIAN IV**  
**WAKAF TIDAK SAH**

15. Wakaf tidak sah
16. Keadaan di mana wakaf kepada sebahagian waris menjadi tidak sah

**BAHAGIAN V**  
*MAWQUF*

17. Syarat-syarat *mawquf*
18. Ketentuan *mawquf*
19. Wakaf hasil premis dan hasil pertanian atas tanah yang dimiliki, disewa atau dipajak
20. Hak *waqif* ke atas faedah atau manfaat *mawquf*
21. Peletakhakan *mawquf*

**BAHAGIAN VI**  
*ISTIBDAL DAN PEMBANGUNAN MAWQUF*

22. Kuasa Majlis untuk *istibdal*
23. *Mawquf* wakaf khas terbiar
24. Pembangunan *mawquf*
25. Fatwa dikehendaki untuk pembangunan *mawquf*
26. Pembangunan semula *mawquf* yang telah musnah

**BAHAGIAN VII**  
**KUASA-KUASA MAJLIS**

*Seksyen*

27. Majlis sebagai pemegang amanah tunggal
28. Pembelian harta
29. Tuntutan sewaan atau nilai atas faedah atau manfaat
30. Jawatankuasa
31. Pelantikan pegawai dan pekhidmat

**BAHAGIAN VIII**  
**KETUA PENDAFTAR WAKAF DAN PENDAFTAR WAKAF**

32. Pelantikan Ketua Pendaftar Wakaf dan Pendaftar Wakaf
33. Hak akses

**BAHAGIAN IX**  
**KEWANGAN**

34. Penubuhan Kumpulan Wang Wakaf
35. *Mawquf*
36. Faedah atau manfaat daripada wakaf am atau wakaf khas
37. Akaun dan audit
38. Pelaburan wang
39. Pelupusan, pembatalan dan hapus kira
40. Perbelanjaan Kumpulan Wang Wakaf

**BAHAGIAN X**  
**PERUNTUKAN AM**

41. Kesahan perbuatan dan prosiding
42. Kawalan Majlis

*Seksyen*

43. Mentadbir atau mengurus wakaf am atau wakaf khas tanpa kebenaran Majlis
44. Pengertian surat cara yang mewujudkan atau menyentuh wakaf
45. Hukum Syarak
46. Rujukan kepada Jawatankuasa Fatwa
47. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan
48. Penerusan pemakaian seksyen 78 hingga 84 Enakmen Pentadbiran
49. Pemansuhan
50. Kecualian dan peralihan

JADUAL

## UNDANG-UNDANG NEGERI PERAK

### Enakmen 9

#### ENAKMEN WAKAF (PERAK) 2015

BETA PERKENANKAN,

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH,  
*Sultan Perak*

23 Disember 2015

Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan-peruntukan berhubung dengan wakaf dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Badan Perundangan Negeri Perak Darul Ridzuan seperti berikut :

#### BAHAGIAN I PERMULAAN

#### **Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Wakaf (Perak) 2015.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

#### **Tafsiran**

**2.** (1) Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain —

“Baitulmal” ertiaya kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 70 Enakmen Pentadbiran;

“baligh” ertiaya umur baligh mengikut Hukum Syarak;

“Enakmen” ertinya Enakmen Wakaf (Perak) 2015;

“Enakmen Pentadbiran” bererti Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 [*Enakmen Bil. 4 tahun 2004*];

“faedah” berhubungan dengan sesuatu *mawquf*, ertinya hasil yang terbit daripada *mawquf* itu yang tidak kekal ‘ainnya;

“harta” termasuklah harta alih atau harta tak alih dan apa-apa manfaat atau faedah dalam apa-apa hak, kepentingan, hak milik, tuntutan, hak dalam tindakan, sama ada pada masa sekarang atau pada masa hadapan atau selainnya yang mempunyai nilai menurut Hukum Syarak;

“hasil” ertinya apa-apa faedah atau manfaat yang diperolehi daripada sesuatu *mawquf* dalam apa-apa bentuk yang boleh dinilai dengan mata wang dalam Ringgit Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya;

“hibah” ertinya sesuatu pemberian yang diberikan oleh seseorang semasa hayatnya tanpa apa-apa balasan menurut Hukum Syarak;

“Hukum Syarak” ertinya Hukum Syarak mengikut Mazhab Shafie atau mengikut mana-mana satu Mazhab Hanafi, Maliki atau Hambali;

“*istibdal*” ertinya menggantikan suatu *mawquf* dengan harta lain atau wang yang sama atau lebih tinggi nilainya melalui gantian, tukaran atau apa-apa cara lain yang diharuskan menurut Hukum Syarak;

“Jawatankuasa Fatwa” ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 35 Enakmen Pentadbiran;

“Jawatankuasa Pengurusan Wakaf” ertinya Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Majlis di bawah seksyen 30;

“Kumpulan Wang Wakaf” ertinya kumpulan wang yang ditubuhkan oleh Majlis di bawah seksyen 34;

“Mahkamah” ertinya Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rayuan Syariah, mengikut mana-mana

yang berkenaan, yang ditubuhkan di bawah subseksyen 44(1), (2) atau (3) Enakmen Pentadbiran;

“Majlis” ertinya Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak yang ditubuhkan di bawah subseksyen 4(1) Enakmen Pentadbiran;

“manfaat” berhubung dengan sesuatu *mawquf*, ertinya manfaat yang ada pada *mawquf* itu yang ‘ainnya tetap berkekalan;

“*maradh-al-maut*” ertinya sakit yang membawa maut yang memenuhi syarat-syarat berikut:

- (a) sakit itu hendaklah menyebabkan kematian;
- (b) sakit itu hendaklah menyebabkan keimbangan kematian dalam minda simati; dan
- (c) hendaklah terdapat beberapa tanda luaran suatu penyakit yang serius;

“*mawquf*” ertinya harta wakaf yang terdiri daripada wang prinsipal wakaf sama ada dalam bentuk wang tunai, harta dan hasil *istibdal*;

“*mawquf-alaih*” ertinya orang yang berhak menerima apa-apa faedah, manfaat atau kedua-duanya sekali daripada *mawquf* itu;

“orang” termasuklah kumpulan orang sama ada diperbadankan atau tidak diperbadankan;

“saham wakaf” ertinya pewujudan suatu wakaf melalui saham-saham yang ditawarkan dan kemudiannya diwakafkan oleh pembeli kepada Majlis;

“*sighah*” ertinya pernyataan wakaf yang dibuat sama ada secara lisan, perbuatan, tulisan atau isyarat;

“wakaf” ertinya apa-apa harta yang boleh dinikmati faedah, manfaat atau kedua-duanya sekali untuk apa-apa tujuan khairat

sama ada sebagai wakaf am atau wakaf khas menurut Hukum Syarak, tetapi tidak termasuk amanah sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Pemegang Amanah 1949 [Akta 208];

“wakaf am” ertinya sesuatu wakaf yang diwujudkan bagi tujuan khairat umum menurut Hukum Syarak;

“wakaf khas” ertinya sesuatu wakaf yang diwujudkan bagi tujuan khairat yang khusus menurut Hukum Syarak; dan

“*waqif*” ertinya orang yang mewujudkan wakaf.

(2) Semua perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Enakmen ini dan tidak ditakrifkan di dalamnya tetapi ditakrifkan dalam Bahagian I Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [Akta 388] hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya masing-masing setakat yang erti itu tidak bercanggah dengan Hukum Syarak.

(3) Bagi mengelakkan keraguan tentang identiti atau pentafsiran perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan yang digunakan dalam Enakmen ini yang disenaraikan dalam Jadual, rujukan bolehlah dibuat kepada tulisan Arab bagi perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan itu yang ditunjukkan bersetentangan dengannya dalam Jadual itu.

## BAHAGIAN II

### PEWUJUDAN WAKAF

#### **Pewujudan wakaf**

**3. (1)** Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini, seseorang yang telah mencapai umur baligh, sempurna akal, tidak diisyiharkan bankrap dan dengan rela hati, boleh menyerahkan hartanya sebagai suatu wakaf, untuk apa-apa tujuan khairat menurut Hukum Syarak.

(2) Sesuatu wakaf boleh diwujudkan sama ada sebagai wakaf am atau wakaf khas.

(3) Sesuatu wakaf hendaklah diwujudkan melalui *sighah* di hadapan tidak kurang daripada dua orang saksi menurut Hukum Syarak.

**Permulaan kuat kuasa wakaf**

**4.** (1) Sesuatu wakaf hendaklah mula berkuat kuasa apabila kesemua rukun dan syarat wakaf itu disempurnakan.

(2) Sesuatu wakaf yang telah berkuat kuasa tidak boleh dijual, dipindah milik, dihibah atau diwarisi oleh mana-mana orang.

**Kesahan wakaf terdahulu**

**5.** Apa-apa wakaf yang sah dan didaftarkan mengikut peruntukan berhubung dengan wakaf di bawah Enakmen Pentadbiran hendaklah terus sah dan disifatkan telah terletak hak kepada Majlis bagi maksud Enakmen ini.

**Hak *waqif* menentukan syarat-syarat *mawquf-alaih***

**6.** *Waqif* atau Jawatankuasa Pengurusan Wakaf dengan persetujuan *waqif*, boleh menentukan apa-apa syarat khusus kepada *mawquf-alaih*, sebelum *mawquf-alaih* tersebut berhak kepada faedah atau manfaat daripada sesuatu *mawquf*, penentuan pematuhan syarat itu hendaklah dibuat oleh *waqif* atau Jawatankuasa Pengurusan Wakaf.

**Pendaftaran wakaf**

**7.** (1) Tertakluk kepada seksyen 4, setiap wakaf hendaklah dengan seberapa segera, didaftarkan atas nama Majlis dalam apa-apa bentuk atau cara yang telah ditetapkan oleh Majlis.

(2) Walau apa pun peruntukan di bawah subseksyen (1), mana-mana wakaf yang belum didaftarkan dan diendorskan atas nama Majlis, bolehlah didaftarkan melalui kaedah peletakhkan berkanun menurut mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa.

(3) Mana-mana harta yang telah didaftarkan sebagai wakaf hendaklah dinyatakan sebagai “Wakaf Am” atau “Wakaf Khas” di dalam mana-mana suratan hak milik atau pemberitahuan dalam *Warta* yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

**Wakaf oleh seorang yang dalam keadaan *maradh-al-maut***

8. Seorang yang dalam keadaan *maradh-al-maut* hanya boleh mewakafkan, kepada mana-mana orang, tidak lebih daripada satu pertiga hartanya kecuali dengan izin ahli warisnya.

**Wakaf *takliq***

9. (1) Mana-mana orang boleh mewujudkan wakaf *takliq* dan akan mula berkuat kuasa apabila berlakunya semua syarat yang ditakliqkan oleh *waqif*.

(2) Jika wakaf *takliq* itu dibuat untuk berkuat kuasa selepas kematian *waqif*, wakaf tersebut boleh menjadi sah setakat satu pertiga daripada hartanya.

**Wakaf *ahli, irsad, manqul, musyak, musytarak, wakaf saham atau wakaf takliq***

10. (1) Seorang *waqif* boleh mewujudkan wakaf *ahli, irsad, manqul, musyak, musytarak*, wakaf saham atau wakaf *takliq* terhadap hartanya.

(2) Bagi maksud seksyen ini—

(a) “wakaf *ahli*” atau “wakaf *zurri*” ertinya suatu wakaf yang ditentukan oleh *waqif* untuk keluarganya atau untuk seseorang atau lebih daripada seorang yang tertentu bagi tujuan kebajikan;

(b) “wakaf *irsad*” ertinya sesuatu harta yang diwakafkan oleh Pihak Berkuasa Negeri, perbadanan, institusi, pertubuhan atau badan-badan lain menurut Hukum Syarak;

(c) “wakaf *manqul*” ertinya mewakafkan harta alih;

(d) “wakaf *musyak*” ertinya mewakafkan apa-apa hak ke atas mana-mana harta yang dimiliki bersama yang tidak boleh dipecahbahagikan;

- (e) “wakaf *musytarak*” ertinya penyatuan beberapa wakaf termasuklah wakaf yang diwujudkan melalui *istibdal* dan saham wakaf;
- (f) “wakaf saham” ertinya mewakafkan saham-saham yang berbayar yang dipegang dalam mana-mana syarikat atau perniagaan, atau saham-saham amanah atau instrumen-instrumen kewangan yang lain; dan
- (g) “wakaf *takliq*” ertinya suatu wakaf yang hanya mula berkuat kuasa apabila syarat yang telah ditetapkan oleh *waqif* dipenuhi.

### **Skim wakaf dan wakaf saham**

**11.** (1) Majlis boleh menubuhkan apa-apa skim wakaf atau meluluskan mana-mana orang untuk menubuhkan atau menguruskan apa-apa skim berkaitan wakaf, bagi atau dalam mana-mana harta yang diperoleh oleh Majlis, atau bagi pembangunan mana-mana *mawquf* yang diluluskan oleh Majlis —

- (a) melalui sumbangan wang tunai atau apa-apa sumbangan lain;
- (b) dengan menawarkan saham wakaf untuk dijual atau mengeluarkan bon wakaf atau surat cara lain bagi jaminan berharga sebagai wakaf; atau
- (c) bagi maksud pelaburan.

(2) Majlis boleh menerima saham yang diwakafkan daripada mana-mana orang, pertubuhan atau institusi dengan syarat perniagaan yang dijalankan selaras dengan Hukum Syarak.

(3) Apa-apa harta yang dibangunkan atau faedah dan manfaat daripada apa-apa hasil di bawah subseksyen (1) hendaklah menjadi wakaf am.

**BAHAGIAN III**  
*MAWQUF-ALAIH*

**Ketiadaan *mawquf-alaih***

**12.** (1) Bagi maksud wakaf khas, jika dalam suatu wakaf —

- (a) *waqif* tidak menamakan *mawquf-alaih*;
- (b) *mawquf-alaih* telah mati atau dibubarkan; atau
- (c) *mawquf-alaih* tidak dapat dikesan dalam tempoh empat tahun selepas berkuatkuasanya wakaf,

wakaf itu hendaklah menjadi wakaf am melalui pemberitahuan oleh Majlis dalam *Warta*.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3) mana-mana *mawquf-alaih* yang wakafnya telah diwartakan oleh Majlis sebagai wakaf am di bawah perenggan (1)(c) boleh memohon satu perintah Mahkamah untuk menjadikan wakaf tersebut sebagai wakaf khas semula.

(3) *Mawquf-alaih* tidak berhak ke atas apa-apa faedah atau manfaat *mawquf* itu sebelum satu perintah dibuat di bawah subseksyen (2).

**Pembahagian faedah atau manfaat sesuatu *mawquf***

**13.** (1) Jika terdapat lebih daripada seorang *mawquf-alaih* dan *waqif* tidak menetapkan untuk mereka kadar faedah dan manfaat masing-masing terhadap *mawquf* itu, ia hendaklah dibahagikan sama rata di antara mereka.

(2) Seksyen 12 hendaklah terpakai kepada faedah atau manfaat mana-mana *mawquf-alaih* yang tersebut di bawah subseksyen (1) dalam seksyen ini yang telah mati atau tidak dapat dikesan tanpa memerlukan apa-apa pemberitahuan dalam *Warta*.

**Tanggungjawab *mawquf-alaih***

**14.** *Mawquf-alaih* hendaklah bertanggungjawab ke atas semua kos dan tanggungan yang bersangkutan dengan *mawquf*.

**BAHAGIAN IV**  
**WAKAF TIDAK SAH**

**Wakaf tidak sah**

**15.** Sesuatu wakaf adalah tidak sah jika —

- (a) ia bertentangan dengan Hukum Syarak atau mana-mana undang-undang bertulis;
- (b) dalam hal wakaf *takliq*, mana-mana syarat yang ditakliqkan oleh *waqif* tidak berlaku; atau
- (c) ia dibuat untuk faedah dan manfaat diri sendiri.

**Kedaan di mana wakaf kepada sebahagian waris menjadi tidak sah**

**16.** Sesuatu wakaf menjadi tidak sah jika ia dibuat kepada hanya sebahagian daripada waris yang berhak mendapat harta pusaka *waqif*, kecuali dengan persetujuan semua waris lain.

**BAHAGIAN V**

*MAWQUF*

**Syarat-syarat *mawquf***

**17. (1)** *Mawquf* hendaklah suatu harta yang —

- (a) dimiliki oleh *waqif*;
- (b) tidak terhalang untuk diserah hak kepada Majlis; dan
- (c) boleh memberi faedah atau manfaat.

**(2)** Tertakluk kepada subseksyen (1), sesuatu wakaf adalah sah walaupun pada masa wakaf itu diwujudkan —

- (a) *mawquf* tidak memberi apa-apa faedah atau manfaat; atau
- (b) *mawquf* masih dalam sewaan atau pajakan.

### **Ketentuan *mawquf***

**18.** Mana-mana pihak boleh membuat permohonan kepada Mahkamah untuk menentukan sama ada suatu harta itu telah menjadi *mawquf*.

#### **Wakaf hasil premis dan hasil pertanian atas tanah yang dimiliki, disewa atau dipajak**

**19.** Seseorang *waqif* boleh mewakafkan —

- (a) hasil sewaan atau pajakan mana-mana premis yang dimilikinya;
- (b) hasil sewaan atau pajakan mana-mana premis yang dimilikinya di atas mana-mana tanah yang disewa atau dipajak olehnya; atau
- (c) apa-apa hasil pertanian, perladangan, penternakan atau sebagainya yang diperoleh daripada tanah yang dimiliki, disewa atau dipajak olehnya.

#### **Hak *waqif* ke atas faedah atau manfaat *mawquf***

**20.** Seseorang *waqif* yang mewujudkan wakaf am boleh menikmati faedah atau manfaat *mawquf*nya.

#### **Peletakhakan *mawquf***

**21.** (1) Majlis hendaklah mengambil segala tindakan yang perlu seberapa segera untuk meletakhkan kepadanya semua wakaf yang diwujudkan di bawah Enakmen ini.

(2) Apa-apa faedah atau manfaat daripada sesuatu *mawquf* hendaklah terletak hak kepada Majlis mulai dari tarikh wakaf itu mula berkuat kuasa, dan Majlis boleh menuntut apa-apa faedah atau manfaat sesuatu *mawquf* daripada mana-mana orang sebelum pendaftaran wakaf itu.

(3) Semua *mawquf* yang terletak dalam Negeri Perak sebelum Enakmen ini mula berkuat kuasa, hendaklah tanpa apa-apa pemindahan hak, penyerahan hak atau pemindahan hak milik, terletak hak kepada Majlis, bagi maksud wakaf yang menyentuh *mawquf* itu.

(4) Majlis hendaklah mengambil segala tindakan yang perlu untuk meletakhak kepada Majlis bagi maksud yang serupa, mananya *mawquf* sedemikian yang terletak di luar Negeri Perak.

## BAHAGIAN VI

### *ISTIBDAL DAN PEMBANGUNAN MAWQUF*

#### **Kuasa Majlis untuk *istibdal***

**22.** (1) Majlis boleh mengistibdalkan apa-apa *mawquf* jika —

- (a) kegunaan *mawquf* tidak lagi mendatangkan manfaat dan faedah sebagaimana yang dikehendaki oleh *waqif*;
- (b) kegunaan *mawquf* tidak menepati tujuan wakaf;
- (c) mana-mana syarat wakaf tidak selaras dengan mana-mana undang-undang bertulis;
- (d) Majlis hendak mengistibdal masjid atau tapak masjid yang telah diwakafkan;
- (e) disebabkan berlalu masa atau berlaku perubahan keadaan, mana-mana syarat yang ditetapkan oleh *waqif* tidak dapat dilaksanakan;
- (f) mana-mana syarat yang telah ditetapkan oleh *waqif* tidak dapat dilaksanakan dan Majlis berhasrat untuk menentukan apa-apa cara lain bagi melaksanakan wakaf itu, supaya *mawquf* itu digunakan dengan cara yang sehampir mungkin sama dengan syarat yang ditetapkan oleh *waqifnya*; atau
- (g) dalam hal keadaan lain yang difikirkan perlu oleh Majlis.

(2) Apa-apa *mawquf* yang diambil oleh mana-mana pihak berkuasa awam mengikut peruntukan mana-mana undang-undang bertulis, hendaklah diistibdal kepada Majlis oleh pihak berkuasa berkenaan.

***Mawquf wakaf khas terbiar***

**23.** Dalam keadaan suatu *mawquf* wakaf khas terbiar, Majlis boleh, setelah merujuk kepada Jawatankuasa Fatwa, mentadbir dan mengurus *mawquf* itu mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut.

**Pembangunan *mawquf***

**24.** (1) Majlis boleh membangunkan mana-mana *mawquf* tertakluk kepada Hukum Syarak.

(2) Mana-mana orang yang hendak membangunkan mana-mana *mawquf* hendaklah mendapat kebenaran Majlis.

**Fatwa dikehendaki untuk pembangunan *mawquf***

**25.** Majlis hendaklah merujuk kepada Jawatankuasa Fatwa untuk keputusannya berhubung dengan pembangunan mana-mana *mawquf* sekiranya ia melibatkan persoalan Hukum Syarak yang perlu diputuskan.

**Pembangunan semula *mawquf* yang telah musnah**

**26.** (1) Apa-apa *mawquf* yang telah musnah sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, boleh dibangunkan semula daripada sumber-sumber berikut:

(a) Kumpulan Wang Wakaf;

(b) Baitulmal; atau

(c) sumber-sumber lain yang dibenarkan.

(2) Jika sesuatu *mawquf* telah musnah keseluruhannya dan dibangunkan semula dengan menggunakan wang daripada Baitulmal atau sumber-sumber lain yang dibenarkan, harta itu hendaklah dianggap menjadi suatu wakaf.

**BAHAGIAN VII**  
**KUASA-KUASA MAJLIS**

**Majlis sebagai pemegang amanah tunggal**

**27.** (1) Walau apa pun peruntukan yang terkandung dalam mana-mana surat cara atau perisyiharan yang mewujudkan, mengawal atau menyentuh sesuatu wakaf, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf yang terletak di dalam Negeri Perak.

(2) Tanpa menjelaskan kuasa Majlis di bawah peruntukan subseksyen (1), Majlis boleh —

- (a) menubuhkan perbadanan atau syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125] untuk menjalankan apa-apa aktiviti Majlis dalam melaksanakan kewajipan-kewajipan dan kuasa-kuasanya di bawah Enakmen ini;
- (b) melantik mana-mana orang atas terma dan syarat yang ditetapkan oleh Majlis untuk —
  - (i) menguruskan dan membangunkan mana-mana *mawquf*, termasuk menguruskan pelaburan mana-mana *mawquf*;
  - (ii) menguruskan faedah atau manfaat mana-mana *mawquf* untuk kepentingan *mawquf-alaihnya*; dan
  - (iii) membuat apa-apa transaksi yang perlu bagi menguruskan hal ehwal wakaf.

**Pembelian harta**

**28.** (1) Majlis boleh membeli apa-apa harta bagi tujuan wakaf dengan menggunakan wang daripada —

- (a) Kumpulan Wang Wakaf;
- (b) Baitulmal; atau
- (c) sumber-sumber yang dibenarkan.

(2) Apa-apa harta yang dibeli di bawah subseksyen (1) hendaklah dianggap menjadi suatu wakaf.

### **Tuntutan sewaan atau nilai atas faedah atau manfaat**

**29.** (1) Majlis boleh menuntut daripada mana-mana orang, sewa atau nilai atas apa-apa faedah atau manfaat yang diperolehinya daripada sesuatu *mawquf* yang orang itu tidak berhak ke atasnya.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), Majlis boleh menentukan nilai faedah atau manfaat bagi *mawquf* tersebut.

(3) Jika tuntutan yang tersebut di bawah subseksyen (1) tidak dijelaskan, ia hendaklah dianggap sebagai hutang yang boleh dituntut oleh Majlis.

### **Jawatankuasa**

**30.** Majlis boleh menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Wakaf dan jawatankuasa lain untuk membantu dalam menunaikan kewajipan atau menjalankan kuasa-kuasanya berhubung dengan wakaf.

### **Pelantikan pegawai dan pekhidmat**

**31.** Majlis boleh melantik pegawai dan pekhidmat yang perlu bagi maksud menjalankan tanggungjawab Majlis menurut Enakmen ini.

## **BAHAGIAN VIII**

### **KETUA PENDAFTAR WAKAF DAN PENDAFTAR WAKAF**

#### **Pelantikan Ketua Pendaftar Wakaf dan Pendaftar Wakaf**

**32.** (1) Majlis boleh melantik seorang Ketua Pendaftar Wakaf yang hendaklah mempunyai penyeliaan dan kawalan am ke atas Pendaftar Wakaf dan semua perkara yang berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran wakaf di bawah Enakmen ini.

- (2) Majlis boleh melantik beberapa orang sebagaimana yang perlu untuk menjadi Pendaftar Wakaf yang bertanggungjawab untuk –
- (a) mendaftar semua wakaf dalam bentuk atau cara yang ditentukan oleh Majlis;
  - (b) memegang, menyimpan dan menyenggara suatu daftar bagi semua wakaf, surat cara, dokumen hak milik atau apa-apa dokumen lain yang berkaitan dengan semua wakaf yang terletak hak kepada Majlis; dan
  - (c) mendaftarkan mana-mana *mawquf* yang wujud tanpa didaftarkan menurut peruntukan Enakmen ini.

### **Hak akses**

**33.** Ketua Pendaftar Wakaf atau Pendaftar Wakaf atau wakil yang diberi kuasa oleh Majlis hendaklah pada setiap masa yang munasabah, mempunyai akses bebas untuk memasuki semua tanah, bangunan atau premis yang terletak hak sebagai wakaf kepada Majlis, bagi maksud melaksanakan peruntukan Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.

## BAHAGIAN IX

### KEWANGAN

### **Penubuhan Kumpulan Wang Wakaf**

**34.** (1) Majlis hendaklah menubuhkan suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Wakaf.

(2) Kumpulan Wang Wakaf hendaklah terdiri daripada wang asas wakaf dan wang manfaat wakaf.

(3) Bagi maksud seksyen ini –

- (a) wang asas wakaf ialah *mawquf* sama ada dalam bentuk wang tunai atau harta termasuk –
  - (i) apa-apa hasil yang diperolehi melalui *istibdal*;

- (ii) peruntukan atau sumbangan yang diterima daripada mana-mana pihak bagi apa-apa maksud wakaf;
  - (iii) sumbangan dan hasil saham wakaf, bon wakaf dan surat cara jaminan berharga yang lain di bawah apa-apa skim wakaf; dan
  - (iv) segala sumbangan atau wang lain yang diterima secara sah oleh Majlis di bawah Enakmen ini.
- (b) wang manfaat wakaf ialah apa-apa hasil terbitan daripada *mawquf*.

(4) Akaun wang asas wakaf dan akaun wang manfaat wakaf hendaklah diwujudkan secara berasingan.

(5) Semua harta dan hasil wakaf dalam Kumpulan Wang Wakaf hendaklah terletak hak kepada Majlis yang hendaklah mentadbirkan harta dan hasil itu mengikut peruntukan-peruntukan Enakmen ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.

### ***Mawquf***

**35.** (1) *Mawquf* yang sah di sisi undang-undang tidak boleh menjadi sebahagian daripada Baitulmal, tetapi hendaklah digunakan menurut maksud wakaf itu di bawah Kumpulan Wang Wakaf.

(2) Jika terma mana-mana wakaf tidak menyatakan cara penggunaan harta yang tersentuh olehnya, atau tidak pasti daripada terma itu cara bagaimana harta itu patut digunakan, Majlis boleh mengarahkan supaya harta itu dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Wakaf sebagai wakaf am.

### **Faedah atau manfaat daripada wakaf am atau wakaf khas**

**36.** (1) Faedah atau manfaat yang diterima oleh Majlis daripada sesuatu wakaf khas hendaklah digunakan olehnya mengikut peruntukan-peruntukan yang sah bagi wakaf khas itu.

(2) Faedah atau manfaat yang diterima oleh Majlis daripada sesuatu wakaf am hendaklah dimasukkan ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Wakaf.

### Akaun dan audit

**37.** (1) Majlis hendaklah menyimpan atau hendaklah menyebabkan disimpan akaun-akaun dan rekod-rekod lain yang sempurna mengenai perjalanan operasinya mengikut prinsip-prinsip perakaunan yang diakui umum dan hendaklah menyebabkan disediakan penyata bagi akaun-akaunnya bagi tiap-tiap satu tahun kewangan dalam tempoh enam bulan selepas berakhirnya tahun kewangan itu.

(2) Akaun-akaun Majlis hendaklah diaudit setiap tahun oleh seorang juruaudit yang dilantik oleh Majlis.

### Pelaburan wang

**38.** (1) Semua wang wakaf boleh dilaburkan oleh Majlis —

- (a) atas deposit yang mematuhi Hukum Syarak dalam mana-mana bank;
- (b) dalam sekuriti yang mematuhi Hukum Syarak yang dikeluarkan atau yang akan dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri atau Persekutuan; atau
- (c) atas mana-mana pelaburan yang mematuhi Hukum Syarak yang diluluskan oleh Majlis;

dan pelaburan tersebut, berserta dengan mana-mana keuntungan yang diterimanya, hendaklah menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Wakaf.

(2) Bagi maksud seksyen ini —

“deposit” ertiannya *mawquf* dalam bentuk wang yang disimpan mengikut terma dan syarat yang dipersetujui bersama oleh Majlis dengan mana-mana bank dan jika dituntut dalam apa jua keadaan, deposit itu hendaklah dikembalikan kepada Majlis tanpa sebarang sekatan dan caj tambahan melainkan caj yang dikenakan mengikut terma dan syarat yang telah dipersetujui; dan

“sekuriti” termasuklah stok, dana, saham dan bon, debentur dan lain-lain surat cara yang mewujudkan atau menerangkan suatu caj atau *lien* atas aset.

### **Pelupusan, pembatalan dan hapus kira**

**39.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), tiada *mawquf* yang boleh dilupuskan kecuali dengan cara *istibdal*.

(2) Majlis, berhubung dengan harta dan hasil wakaf, hendaklah berkuasa —

- (a) untuk membatalkan kerugian atau kekurangan hasil wakaf dan nilai harta yang hilang, berkurang, tidak dikehendaki, tidak dipakai atau yang lama; dan
- (b) untuk menghapus kira apa-apa amaun hasil, hutang dan bayaran terlebih bayar yang tidak dapat diperolehi.

### **Perbelanjaan Kumpulan Wang Wakaf**

**40.** (1) Melainkan diperuntukkan sebaliknya, wang asas wakaf boleh digunakan bagi maksud —

- (a) pembelian apa-apa harta wakaf di bawah Enakmen ini;
- (b) pembiayaan pembangunan apa-apa *mawquf*; dan
- (c) apa-apa bayaran atau komisen bagi memungut sumbangan yang diterima daripada mana-mana pihak bagi apa-apa maksud wakaf.

(2) Melainkan diperuntukkan sebaliknya, wang manfaat wakaf boleh digunakan bagi maksud —

- (a) apa-apa bayaran faedah atau manfaat yang patut diterima oleh *mawquf-alaih*;
- (b) pembelian apa-apa harta wakaf di bawah Enakmen ini;
- (c) pembiayaan pembangunan apa-apa *mawquf*;
- (d) apa-apa bayaran yang dikenakan bagi melepaskan bebanan ke atas mana-mana harta yang hendak diwakafkan;
- (e) semua kos, bayaran dan apa-apa perbelanjaan pentadbiran dan pengurusan wakaf termasuklah kos penyenggaraan dan pemberian mana-mana *mawquf*; dan

- (f) apa-apa bayaran lain yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Wakaf.

BAHAGIAN X  
PERUNTUKAN AM

**Kesahan perbuatan dan prosiding**

**41.** Tiada apa-apa perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Enakmen ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa wujud apa-apa tinggalan, kecacatan atau salah aturan yang tidak menyentuh merit sesuatu kes.

**Kawalan Majlis**

**42.** Majlis boleh mengambil tindakan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa terhadap mana-mana orang yang tanpa kebenaran Majlis —

- (a) memasuki, menghuni atau menduduki mana-mana *mawquf*;
- (b) mendirikan, merosakkan atau merobohkan apa-apa binaan atau struktur di atas mana-mana *mawquf*;
- (c) meneroka, memagar, membajak, mengepung, mengusahakan atau bercucuk tanam atas mana-mana *mawquf*;
- (d) memusnah, mengambil, memindah atau mengeluarkan mana-mana *mawquf* atau apa-apa hasil daripada mana-mana *mawquf*;
- (e) membiarkan binatang ternakannya merayau-rayau atas *mawquf* dan merosakkan apa-apa tumbuhan atau tanaman yang diusahakan atas *mawquf* itu; atau
- (f) menyebabkan kerosakan kepada apa-apa tumbuhan atau tanaman yang diusahakan atas mana-mana *mawquf*, dengan apa-apa cara.

**Mentadbir atau mengurus wakaf am atau wakaf khas tanpa kebenaran Majlis**

**43.** Mana-mana orang yang mentadbir atau mengurus wakaf am atau wakaf khas tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis adalah melakukan

suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

### **Pengertian surat cara yang mewujudkan atau menyentuh wakaf**

**44.** (1) Jika Majlis berpendapat bahawa pengertian atau pentafsiran atau kesan mana-mana surat cara atau perisyiharan yang mewujudkan atau menyentuh mana-mana wakaf adalah samar-samar atau tidak berketentuan, Majlis boleh merujuk kepada Mahkamah surat cara atau perisyiharan itu bagi mendapatkan keputusan Mahkamah tentang pengertian, tafsiran dan kesan mengenainya dan Majlis hendaklah bertindak mengikut apa-apa keputusan yang diberikan sedemikian oleh Mahkamah.

(2) Bagi tujuan seksyen ini, Mahkamah termasuklah Mahkamah Sivil yang ditubuhkan di bawah Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan.

### **Hukum Syarak**

**45.** (1) Mana-mana peruntukan atau tafsiran peruntukan di bawah Enakmen ini yang berlawanan dengan Hukum Syarak hendaklah terbatal setakat yang berlawanan itu dan Hukum Syarak hendaklah terpakai.

(2) Jika terdapat apa-apa lakuna atau jika apa-apa perkara tidak diperuntukkan dengan nyata dalam Enakmen ini, Mahkamah hendaklah merujuk kepada Hukum Syarak.

### **Rujukan kepada Jawatankuasa Fatwa**

**46.** Majlis hendaklah merujuk kepada Jawatankuasa Fatwa untuk apa-apa keputusan yang melibatkan isu berkaitan Hukum Syarak yang perlu diputuskan.

### **Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan**

**47.** Majlis boleh, dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, membuat peraturan-peraturan bagi maksud melaksanakan peruntukan-peruntukan Enakmen ini, dan

khususnya, tetapi tanpa menjaskan keluasan kuasa yang terdahulu, peraturan-peraturan itu boleh mengadakan peruntukan bagi —

- (a) tatacara kewangan;
- (b) pelaksanaan pentadbiran dan pengurusan saham wakaf;
- (c) pengendalian faedah dan manfaat wakaf;
- (d) penubuhan jawatankuasa-jawatankuasa berkaitan wakaf dan kuasa, kewajipan dan tatacaranya di bawah Enakmen ini; dan
- (e) perkara-perkara lain yang perlu bagi pelaksanaan peruntukan-peruntukan Enakmen ini.

### **Penerusan pemakaian seksyen 78 hingga 84 Enakmen Pentadbiran**

**48.** Seksyen 78 hingga 84 Enakmen Pentadbiran hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Enakmen ini, terus berkuat kuasa, setakat yang tidak bertentangan dengan peruntukan-peruntukan di bawah Enakmen ini.

### **Pemansuhan**

**49.** *Control of Wakaf, Rules 1959 [Pk.GN. 503 tahun 1959]* dimansuhkan.

### **Kecualian dan peralihan**

**50.** (1) Semua peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, perisy蒂haran, perintah, pemberitahuan, notis, borang dan surat kebenaran yang dikeluarkan atau dibuat di bawah atau menurut kuasa Enakmen Pentadbiran hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Enakmen ini, terus berkuat kuasa, setakat yang tidak bertentangan dengan Enakmen ini, sehingga dibatalkan atau digantikan oleh peraturan-peraturan, kaedah-kaedah perisy蒂haran, perintah, pemberitahuan, notis, borang atau surat kebenaran yang dikeluarkan atau dibuat di bawah Enakmen ini.

(2) Mana-mana pegawai dan orang yang dilantik di bawah Enakmen Pentadbiran yang memegang jawatan sebelum permulaan kuat kuasa Enakmen ini hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Enakmen ini, terus memegang jawatan di bawah Enakmen ini sehingga habis tempoh pelantikan mereka atau mereka meletakkan jawatan atau pelantikan mereka dibatalkan mengikut Enakmen ini dan hendaklah mempunyai kuasa, hak, keistimewaan, liabiliti, kewajipan dan obligasi yang sama seolah-olah mereka telah dilantik di bawah Enakmen ini.

(3) Tiap-tiap perbuatan atau benda yang dilakukan, diambil atau dimulakan oleh pegawai-pegawai dan orang yang disebut dalam subseksyen (2) sebelum permulaan kuat kuasa Enakmen ini hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Enakmen ini, disifatkan telah dilakukan, diambil atau dimulakan di bawah Enakmen ini.

### **JADUAL**

[subseksyen 2(3)]

#### BENTUK SKRIP BAHASA ARAB BAGI PERKATAAN DAN UNGKAPAN TERTENTU

<i>ahli</i>	اهلي
<i>irsad</i>	ارصاد
<i>istibdal</i>	استبدال
<i>manqul</i>	منقول
<i>maradh-al-maut</i>	مرض الموت
<i>mawquf</i>	موقوف
<i>mawquf-alaih</i>	موقوف عليه
<i>musyak</i>	مشاع
<i>musytarak</i>	مشترك
<i>sighah</i>	صيغة
<i>takliq</i>	تعليق
<i>waqif</i>	واقف
<i>zurri</i>	ذري

Bertarikh 30 Oktober 2015  
[MAIPK/05/TW/06/UW; PU.PK. 35/2007]

ROHANA ABD MALEK  
*Penasihat Undang-Undang Negeri  
Perak Darul Ridzuan*



# **LAWS OF THE STATE OF PERAK**

**ENACTMENT 9**

**WAKAF (PERAK) ENACTMENT 2015**

Date of Royal Assent ... ... ... 23 December 2015

Date of publication in the *Gazette* ... ... 31 December 2015

## **WAKAF (PERAK) ENACTMENT 2015**

---

### **ARRANGEMENT OF SECTIONS**

---

#### **PART I PRELIMINARY**

##### *Section*

1. Short title and commencement
2. Interpretation

#### **PART II CREATION OF WAKAF**

3. Creation of *wakaf*
4. Commencement of *wakaf*
5. Validity of earlier *wakaf*
6. Right of *waqif* to determine the conditions of *mawquf-alaih*
7. Registration of *wakaf*
8. *Wakaf* by a person in a state of *maradh-al-maut*
9. *Wakaf takliq*
10. *Wakaf ahli, irsad, manqul, musyak, musytarak, wakaf shares or wakaf takliq*
11. *Wakaf scheme and wakaf shares*

#### **PART III MAWQUF-ALAIH**

12. Non-existence of *mawquf-alaih*

*Section*

13. Distribution of usufruct or benefit of *mawquf*
14. Responsibilities of *mawquf-alaih*

PART IV

*INVALID WAKAF*

15. Invalid *wakaf*
